

17/11/2016 - Persidangan Tahunan Puspanita Ke-4, 2016

Bismillahirrahmanirahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/i Pengerusi Majlis,

YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah

Yang Di-Pertua PUSPANITA Kebangsaan
Ketua – ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua – ketua Pengarah,

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA dan Majlis Tertinggi PUSPANITA,

Ahli– ahli PUSPANITA dan seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Syukur Alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Ke-4 yang bertemakan **“PERANAN PUSPANITA DALAM MEMPERKASA KEPIMPINAN DAN MENDEPANI CABARAN GLOBAL”**

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada PUSPANITA di atas kejayaan menganjurkan Persidangan ini buat kali keempat. Ini seharusnya dibanggakan PUSPANITA kerana berjaya menganjurkan persidangan sebesar ini untuk 4 tahun berturut-turut. Saya pasti kejayaan ini terhasil kerana usaha semua ahli-ahli PUSPANITA yang bersatu hati dan begitu komited dalam menjayakan Persidangan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian.

3. Persidangan PUSPANITA kali keempat ini **merupakan pengiktirafan dan penghargaan** kepada pegawai dan suri pegawai perkhidmatan awam di atas penglibatan dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara. Sebagaimana semua sedia maklum, Ahli PUSPANITA yang terdiri daripada petugas wanita serta isteri penjawat awam memainkan peranan penting sebagai penggerak dan pelengkap kepada Kerajaan dalam Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

4. PUSPANITA merupakan agen bagi mendekati, menyusuri dan memahami rakyat di peringkat akar umbi. PUSPANITA juga merupakan barisan hadapan untuk membantu sektor awam khususnya dan Kerajaan amnya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

5. Sebagai sebuah persatuan yang dekat dengan masyarakat, PUSPANITA berperanan sebagai **Rakan Perkhidmatan Awam**. Ia berperanan untuk memahami dasar-dasar serta program Kerajaan bagi tujuan menyebarkan dan memperjelaskan kepada rakyat.

6. **Maklum balas yang diterima daripada rakyat** perlu disampaikan kepada Kerajaan menerusi PUSPANITA di setiap kementerian, jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri malah di Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara. Hanya dengan demikian, sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat ditambahbaik dan kekal pada tahap cemerlang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya amat berbangga dengan pencapaian PUSPANITA kini di mana program – program yang dijalankan berdasarkan **Pelan Strategik PUSPANITA**, sangat memberi manfaat kepada ahli yang terdiri daripada penjawat awam wanita dan suri penjawat awam lelaki.

8. Program yang dianjurkan berdasarkan elemen 3K iaitu Keilmuan, Keusahawanan dan Kebajikan sebenarnya amat relevan dengan keperluan dan kehendak ahli dan penjawat awam dalam konteks semasa. Selain itu, PUSPANITA juga mengambil pendekatan dengan

mengadakan Lawatan Turun Padang dan Program Ziarah Kebajikan ke negeri–negeri bagi mendekati ahli dan masyarakat yang memerlukan bantuan.

9. Oleh itu, PUSPANITA telah berjaya 'Merakytakan PUSPANITA' dengan penganjuran program – program tersebut. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada PUSPANITA.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Persidangan kali keempat ini membincangkan antaranya kualiti perkhidmatan awam daripada segi kompetensi, impak Open Data dan Big Data dan juga isu integriti sebagai penjawat awam. Saya difahamkan juga Malaysia Blue Ocean Institute turut dijemput untuk berkongsi pandangan mereka.

11. Saya berharap agar perbincangan dalam pembentangan dan forum yang diadakan dapat melahirkan idea-idea baru untuk kita menambahbaik lagi perkhidmatan ke tahap yang cemerlang. Dalam aspek ini, suka saya menyarankan agar **PUSPANITA** dapat bersama-sama Perkhidmatan Awam menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam merancang dan melaksanakan program-program. Mungkin ahli-ahli PUSPANITA dapat turut menyertai Blue Ocean Training Online anjuran INTAN.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya turut dimaklumkan, sempena persidangan pada hari ini PUSPANITA Kebangsaan akan menyampaikan sumbangan kebajikan untuk pembangunan taska – taska PERMATA PUSPANITA seluruh Negara. Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada PUSPANITA Kebangsaan kerana amat prihatin dalam memastikan anak – anak terutama anak penjawat awam berada dalam keadaan selamat dan selesa di taska–taska.

13. Saya difahamkan sumbangan kebajikan yang akan disampaikan adalah sebanyak RM96,000.00 iaitu RM3,000 bagi setiap 32 cawangan untuk pembelian keperluan peralatan atau sebagainya dan juga menaik taraf (upgrading) kepada kokurikulum PERTAMA.

14. Apa yang menggembirakan lagi, **sumbangan kebajikan untuk pembangunan taska** ini juga akan **diperluaskan** ke Taska PERMATA PUSPANITA Cawangan – cawangan kecil di seluruh Negara **pada tahun 2017**. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada PUSPANITA.

15. Sehubungan dengan itu, saya amat menggalakkan agar lebih banyak taska diwujudkan dan diperluaskan di seluruh Negara bagi memberi lebih kemudahan kepada ahli dan penjawat awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Saya juga turut dimaklumkan pada keesokan hari, PUSPANITA Kebangsaan akan menganjurkan **Seminar Kepimpinan Keluarga dan Komuniti: Menelusuri Sanubari Kanak-kanak, Membentuk Generasi Berwawasan di dewan ini**. Oleh yang demikian, saya berharap agar semua peserta akan dapat memberikan komitmen untuk menghadiri seminar ini dalam mendapatkan sedikit sebanyak input atau tips mengenai penjagaan anak. Ilmu ini adalah amat penting buat golongan ibubapa dalam mendalami dan memahami mengenai isu-isu penjagaan dan keselamatan anak – anak mereka pada masa kini.

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyatakan harapan saya agar Persidangan PUSPANITA kali keempat ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para hadirin dalam meningkatkan kecemerlangan PUSPANITA.

18. Akhir kata, saya ucapkan Selamat Maju Jaya kepada seluruh anggota PUSPANITA semoga bertambah maju dan mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua.

19. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Keempat, 2016** pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2097>